

EKONOMI

Keuntungan bersih MSC naik kepada RM28.94 juta pada suku ketiga



Malaysia Smelting Corporation Berhad

(43072-A)

12/11/2021 07:44 PM

KUALA LUMPUR, 12 Nov – Keuntungan bersih Malaysia Smelting Corporation Bhd (MSC) meningkat kepada RM28.94 juta pada suku ketiga berakhir 30 Sept, 2021 berbanding RM12.54 juta pada suku yang sama tahun lepas berikutan harga timah mencatat paras tertinggi.

Bagaimanapun, perolehan susut kepada RM218.48 juta daripada RM230.83 juta sebelumnya, kata MSC dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Dalam satu kenyataan berasingan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Patrick Yong berkata keuntungan bersih bagi segmen perlombongan bijih timah meningkat hampir empat kali ganda kepada RM29 juta semasa suku di bawah kajian daripada RM7.4 juta direkodkan pada suku ketiga tahun 2020.

Operasi peleburan bijih timah kumpulan itu mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM4.9 juta pada suku ketiga kebanyakannya disebabkan oleh kapasiti peleburan yang lebih rendah apabila kumpulan itu memulakan semula operasinya secara beransur-ansur berikutan pelaksanaan Fasa 2 Pelan Pemulihan Nasional (PPN).

Selain itu, relau usang di loji peleburan Butterworth kini sedang menjalani kerja-kerja membaik pulih yang membawa kepada pengurangan penggunaan relau dan hasil timah yang lebih rendah, katanya.

“Bijih timah telah menjadi logam asas berprestasi terbaik pada 2021 kerana harga mencecah rekod tertinggi berikutan defisit bekalan timah dan penggunaan yang kukuh.

“MSC ialah meraih keuntungan secara langsung menerusi harga bijih timah yang menggalakkan dan trend ini dijangka berterusan dalam tempoh terdekat sejajar dengan peningkatan permintaan bijih timah dalam pelbagai sektor termasuk elektronik pengguna, fotovoltaiik dan kenderaan elektrik,” katanya.

Bagi tempoh sembilan bulan, keuntungan bersih MSC meningkat kepada RM54.0 juta berbanding RM0.2 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas kebanyakannya disebabkan oleh purata harga timah yang lebih tinggi, ia berada pada paras tertinggi sebanyak RM121,458 setiap satu tan metrik dalam tempoh tersebut - 74 peratus lebih tinggi daripada RM69,717 satu tan metrik yang direkodkan dalam tempoh yang sama pada 2020.

Seiring dengan harga bijih timah yang tinggi, perolehan kumpulan berkembang 41 peratus tahun ke tahun kepada RM821.5 juta pada tempoh sembilan bulan 2021 berbanding RM580.8 juta pada tempoh yang sama pada 2020.

-- BERNAMA

Bername menyediakan sumber terkini maklumat berita sahih dan komprehensif kepada umum dan agensi media. Berita kami dipaparkan di laman web www.bernama.com ; siaran BERNAMA TV: Saluran Astro 502, Saluran unifi TV 631, Saluran MYTV 121 IFLIX; dan siaran Bernama Radio di frekuensi FM93.9 bagi Lembah Klang, Johor (FM107.5), Kota Kinabalu (FM107.9) and Kuching (FM100.9).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

